


Oleh Presiden Henry B. Eyring  
Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama



# Selalu Mengingati-Nya

**B**olehkah anda bayangkan bersama saya nabi Moroni mengukirkan kata-kata terakhir bagi Kitab Mormon di atas kepingan-kepingan emas? Dia bersendirian. Dia telah melihat bangsanya, rakyatnya, dan keluarganya gugur. Tanah itu adalah “satu kitaran yang berterusan” bagi peperangan. (Mormon 8:8). Namun dia memiliki harapan, kerana dia telah melihat zaman kita! Dan dalam segala hal yang telah dia tulis, dia menjemput kita untuk *mengingati* (lihat Moroni 10:3).

Presiden Spencer W. Kimball (1895–1985) gemar mengajar bahawa perkataan yang paling penting dalam kamus ialah *mengingati*. Kerana kita telah melakukan perjanjian-perjanjian dengan Tuhan, dia berkata, “keperluan kita yang terbesar adalah untuk mengingati” perjanjian-perjanjian tersebut.<sup>1</sup>

Anda boleh menjumpai perkataan *mengingati* di sepanjang tulisan suci. Ketika Nefi menegur abang-abangnya, sering kali dia menjemput mereka untuk mengingati firman-firman Tuhan dan mengingati bagaimana Tuhan telah menyelamatkan nenek moyang mereka (lihat 1 Nefi 15:11, 25; 1 Nefi 17:40).

Dalam ucapan perpisahannya, Raja Benyamin menggunakan perkataan *ingat* sebanyak tujuh kali. Dia berharap rakyatnya akan ingat “kemuliaan Tuhan . . . dan kebaikan dan panjang sabar-Nya” terhadap mereka (Mosia 4:11; lihat juga 2:41; 4:28, 30; 5:11–12).

Ketika Juruselamat memperkenalkan sakramen, Dia menjemput pengikut-pengikut-Nya untuk mengambil lambang “sebagai peringatan” pengorbanan-Nya (Lukas 22:19). Dalam setiap doa sakramen anda dan saya dengar,

perkataan *selalu* mendahului perkataan *mengingati* (lihat A&P 20:77, 79).

Pesanan saya ialah sebuah jemputan, bahkan suatu rayuan, untuk mengingati. Di sini adalah tiga cadangan tentang apa yang anda boleh ingat setiap minggu ketika anda mengambil lambang kudus sakramen. Saya harap ia berguna untuk anda, sebagaimana ia berguna untuk saya.

## Mengingati Yesus Kristus

Pertama, mengingati Juruselamat. Mengingati siapa Dia ketika berada di bumi, bagaimana Dia berbicara kepada orang lain, dan bagaimana Dia menunjukkan kebaikan dalam perbuatan-perbuatan-Nya. Ingatlah dengan siapa yang telah Dia luangkan masa bersama dan apa yang Dia telah ajarkan. Juruselamat ‘berjalan berkeliling sambil berbuat baik’ (Kisah Rasul-Rasul 10:38). Dia mengunjungi orang yang sakit. Dia komited melakukan kehendak Bapa-Nya.

Yang paling penting, kita dapat mengingati harga besar yang telah dibayar oleh-Nya, dari kasih-Nya kepada kita, untuk membersihkan kesan dosa-dosa kita. Sewaktu kita mengingati-Nya, keinginan kita untuk mengikuti Dia akan bertumbuh. Kita akan ingin menjadi sedikit lebih baik, lebih mengampuni, dan lebih rela untuk mengikuti kehendak Tuhan dan melakukannya.

## Mengingati Apa yang Anda Perlu Lakukan dengan Lebih Baik

Adalah sukar untuk memikirkan tentang Juruselamat—kesucian dan kesempurnaan-Nya—tanpa memikirkan tentang betapa bercela dan tidak sempurnanya kita secara

perbandingan. Kita telah melakukan perjanjian-perjanjian untuk mematuhi perintah-perintah-Nya, namun kita sering terjatuh dari standard yang tinggi ini. Tetapi Juruselamat mengetahui hal ini akan terjadi, oleh sebab itu Dia memberikan kita tatacara sakramen.

Sakramen berasal dari Perjanjian Lama mempraktikkan persembahan korban, yang termasuk mengakui dosa (lihat Imamat 5:5). Kita tidak lagi mengorbankan haiwan, tetapi kita masih boleh melepaskan dosa-dosa kita. Tulisan suci menyebut ini sebagai korban “sebuah hati yang hancur dan roh yang menyesal” (3 Nefi 9:20). Datang ke sakramen dengan hati yang telah bertaubat (lihat A&P 59:12; Moroni 6:2). Ketika anda melakukan ini, anda akan mendapat pengampunan atas dosa-dosa dan anda tidak akan menyimpang dari jalan yang menuju kembali ke Tuhan.

### Mengingati Kemajuan yang Anda Lakukan

Ketika anda memeriksa kehidupan anda sewaktu tatacara sakramen, saya berharap fikiran anda bukan saja tertumpu pada kesilapan-kesilapan yang telah anda lakukan tetapi juga pada perkara-perkara betul yang telah anda lakukan—saat-saat sewaktu anda merasakan bahawa Bapa di Syurga dan Juruselamat berasa senang dengan anda. Bahkan anda boleh mengambil masa sewaktu sakramen untuk meminta Tuhan untuk membantu anda melihat perkara-perkara ini. Sekiranya anda berbuat sedemikian, saya berjanji anda akan merasakan sesuatu. Anda akan merasakan pengharapan.

Ketika saya melakukan ini, Roh meyakinkan saya meskipun saya masih jauh dari kesempurnaan, saya lebih baik hari ini daripada saya yang semalam. Dan ini memberikan saya keyakinan bahawa, kerana Juruselamat, saya dapat menjadi yang lebih baik lagi esok.

*Selalu* merupakan masa yang panjang, dan ia melibatkan banyak usaha. Anda tahu berdasarkan pengalaman betapa sukar untuk secara terus-menerus memikirkan tentang satu perkara sepanjang masa. Tetapi tidak kira betapa bagus anda mematuhi janji anda untuk selalu mengingati-Nya, Dia selalu mengingati anda.

Juruselamat mengetahui cabaran-cabaran anda. Dia mengetahui apakah rasanya ketika tekanan kehidupan menekan anda. Dia mengetahui betapa segeranya anda perlukan berkat-berkat yang datang dari selalu mengingati-Nya dan mentaati perintah-perintah-Nya—“agar [anda]

boleh *selalu* memiliki Roh-Nya bersama [anda]” (A&P 20:77; penekanan ditambah).

Jadi, Dia mengalu-alukan anda balik ke meja sakramen setiap minggu, sekali lagi menawarkan anda peluang untuk bersaksi di hadapan-Nya bahawa anda akan selalu mengingati-Nya.

#### NOTA

1. Spencer W. Kimball, “Circles of Exaltation” (ucapan yang diberikan kepada pendidik agama Sistem Pendidikan Gereja, 28 Jun 1968), 5.

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Kehidupan dapat menjadi menyibukkan dan menjadikan ia sukar untuk kita selalu mengingati Yesus Kristus Juruselamat kita. Sakramen, bagaimanapun, menyediakan suatu masa istimewa setiap minggu untuk kita merenung kehidupan dan ajaran-ajaran-Nya. Dengan sesiapa yang anda kunjungi, pertimbangkan bagaimana anda menggunakan masa-masa senyap itu sekarang, dan bincangkan bagaimana anda dapat meningkatkan tumpuan anda terhadap Juruselamat. Bagaimana anda menggunakan masa-masa tersebut untuk merenung perkara-perkara yang anda dapat memperbaiki secara peribadi? Apakah nilai mengingati kemajuan yang anda lakukan setiap minggu?

## REMAJA

### Tiga Perkara untuk Diingati

**P**erkataan *mengingati* muncul banyak kali di dalam Kitab Mormon. Nefi menggalakkan abang-abangnya untuk mengingati bagaimana Tuhan telah menyelamatkan nenek moyang mereka. Raja Benyamin meminta rakyatnya untuk mengingati kebesaran Tuhan. Dan Moroni mengarahkan pembacanya untuk mengingati betapa Tuhan berbelas kasihan.

Mengingati Juruselamat adalah penting—kita bahkan berjanji untuk mengingati Dia setiap kali kita mengambil sakramen. Presiden Eyring menjemput kita untuk mengingati tiga perkara ini semasa sakramen.

1. **Mengingati Yesus Kristus:** Baca tulisan suci tentang bagaimana Juruselamat melayani dan menunjukkan kasih terhadap orang lain. Bagaimana anda merasakan kasih-Nya? Bagaimana anda dapat melayani dan

menunjukkan kasih terhadap orang lain seperti yang Juruselamat lakukan?

- 2. Mengingati apa yang kamu dapat lakukan lebih baik:** Merenung minggu anda yang lepas dengan hati yang telah bertaubat. Pilihlah satu perkara yang anda boleh ubah, dan tuliskan bagaimana anda lakukan kemajuan tersebut. Letakkan gol anda di tempat yang anda akan kerap melihat ia.
- 3. Mengingati kemajuan yang anda lakukan:** Meminta kepada Tuhan untuk membantu anda melihat kemajuan baik yang kamu lakukan. Catatkan perasaan anda.

Kita tidak sempurna, tetapi Juruselamat mengetahuinya. Oleh sebab itu Dia meminta kita untuk mengingati-Nya. Mengingati-Nya memberikan kita harapan dan membantu kita ingin maju. Bahkan ketika

kita gagal untuk mengingati Dia, Presiden Eyring berkata, "Dia selalu mengingati anda."

"Mengingati betapa Tuhan telah penuh berbelas kasihan" (Moroni 10:3)

## KANAK-KANAK

### Mengingati Yesus

Tulisan suci mengajarkan bahawa kita harus selalu mengingati Yesus Kristus. Itu bermaksud kita harus memikirkan Dia *banyak* dan mengikuti teladan-Nya!

Letakkan sebuah gambar Yesus di tempat yang anda akan kerap melihat ia.

"Dan jika kamu selalu mengingati-Ku kamu akan memiliki Roh-Ku bersama-mu" (3 Nefi 18:7).



Iman, Keluarga,  
Pertolongan

# Mengenalinya dan Keluarganya

*Pengajaran berkunjung adalah tentang mengunjungi dengan ikhlas untuk mengetahui dan mengasihi setiap saudari agar kita dapat membantu memperkuat imannya dan memberikan pelayanan.*

Rita Jeppeson dan pengajar berkunjungnya telah menjadi kawan baik ketika mereka mengunjungi dan berkongsi asas-asas injil. Tetapi kunjungan mereka juga termasuk bermain-main perkataan bersama. Ia adalah kegemaran Rita tentang pengajar berkunjungnya kerana dia mengetahui mereka adalah kawan dan kunjungan itu bukan saja “tanda siap” dalam senarai. Terdapat banyak perkara yang saudari-saudari dapat lakukan ketika mengunjungi, seperti berjalan bersama atau mencabut rumput di halaman ketika anak-anak sedang bermain.

Elder Jeffrey R. Holland dari Kuorum Dua Belas Rasul berkata, “Lihatlah diri anda sebagai wakil Tuhan kepada anak-anak-Nya. . . . Kami berharap . . . agar anda akan memulakan suatu era keprihatinan yang sungguh, dan diarahkan dengan injil tentang keperluan ahli-ahli, mengawasi dan prihatin terhadap satu sama

lain, mengemukakan keperluan rohani dan duniawi dalam cara apa saja yang menolong.”<sup>1</sup>

Tuhan melalui Musa telah menga-rahkan anak-anak Israel bahawa “orang asing yang tinggal padamu harus sama bagimu seperti orang Israel asli dari antaramu, kasihilah [dia] seperti dirimu sendiri” (Imamat 19:34). Saudari-saudari yang kita kunjungi dan ajar mungkin “orang asing” ketika kita baru memulakan pelayanan kita, tetapi ketika kita mengenalinya dan keluarganya, keinginan kita akan bertambah untuk “menanggung beban satu sama lain, agar ia boleh menjadi ringan dan “hati [kita] terkait bersama dalam perpaduan dan dalam kasih terhadap satu sama lain.” (Mosia 18:8, 21).

Reyna I. Aburto, Penasihat Kedua dalam Presidensi Umum Lembaga Pertolongan, mengenang ketika dia masih seorang ahli gereja baru yang telah bercerai. “Pengajar berkunjung

saya datang ke rumah saya,” dia berkata, “dan mereka membawa suatu perasaan yang hangat dan kasih kepada hati saya.”<sup>2</sup>

## ***Pertimbangkan Ini***

Di dalam keluarga saudari-saudari yang kamu kunjungi, apakah peristiwa-peristiwa yang anda harus peka dan mengingati?

### **NOTA**

1. Jeffrey R. Holland, “Emissaries to the Church,” *Liahona*, Nov. 2016, 62.
2. Reyna I. Aburto, “What Has Relief Society Been for Me?” Persidangan Wanita di Brigham Young University, 5 Mei 2017, LDS.org.

## ***Melayani***

Ketika kita telah mengenali dan menyayangi setiap saudari yang kita kunjungi dan keluarganya, kita akan menerima ilham peribadi untuk mengetahui bagaimana untuk bertindak bagi keperluan rohani dan duniawi setiap mereka.